

DATE: 11/6/2010

Pelaksanaan syor tambah murid tiga kali ganda

LANGKAH mengurangkan usia persekolahan formal kepada lima tahun, berbanding enam tahun sekarang, menjelang akhir Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10) dijangka membabitkan tambahan lebih 1 juta murid.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata jumlah mencecah 1.5 juta itu membabitkan peningkatan tiga kali ganda, berbanding antara 500,000 hingga 600,000 murid ketika ini.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, bagi merealisasikan hasrat kerajaan itu, usaha sedang dirangka untuk mewujudkan prasarana dan tenaga pengajar yang mencukupi bagi memenuhi keperluan menjelang 2015.

"Ketika ini, kementerian masih menjalankan kajian termasuk berkaitan implikasi dari segi bekalan tenaga terlatih dan modal insan di negara kita kerana kanak-kanak terbabit melalui tempoh prasekolah kurang setahun, walaupun kita sedar pada usia lima tahun kanak-kanak terbabit sudah lebih matang," katanya di lobi Parlimen di sini, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika membentangkan RMKe-10 semalam memaklumkan kerajaan sedang menimbang untuk mengurangkan usia persekolahan formal daripada enam tahun kepada lima tahun pada akhir tempoh RMKe-10.

Langkah ini akan meningkatkan akses kepada pendidikan formal ke arah memperkasakan pembangunan awal kanak-kanak.

Bagaimanapun, Muhyiddin berkata, pihaknya yakin langkah ini mampu direalisasikan menjelang akhir 2015 jika ia dijalankan secara berperingkat-peringkat.

Selain itu, mengenai Sekolah Amanah yang akan diperkenalkan, beliau berkata, sebanyak 10 sekolah membabitkan lima sekolah yang pencapaiannya rendah, tiga (sederhana) dan dua Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT).

"Sekolah terbabit adalah inisiatif sektor swasta yang akan menjadikan sekolah yang dipilih itu sebagai sekolah angkat.

"Sektor korporat terbabit akan memberi bantuan mengikut garis panduan yang disediakan kerajaan dan diberi kelonggaran untuk memperbaiki mutu pembelajaran," katanya.